

Pulangkan sebahagian harta 'disakau' kepada orang Melayu

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
utusannews@mediamulia.com.my

PERMATANG PAUH: Datuk Seri Anwar Ibrahim mencabar pemimpin Melayu terdahulu yang kaya-raya menyumbang sebahagian kekayaan mereka sekiranya benar-benar mahu membantu dan memperjuangkan nasib orang Melayu.

Tegas Perdana Menteri, para pemimpin Melayu berkenaan tidak sewajarnya hanya memberikan kekayaan kepada sanak-saudara sendiri ketika mereka mempunyai kuasa suatu ketika dahulu.

“Jangan guna kuasa untuk kayakan sanak-saudara, kemudian dah kaya sanak-saudara, apabila hilang kuasa, ‘dok’ cakap nak selamatkan orang Melayu, hidup Melayu. Jika betul nak tolong dan selamatkan orang Melayu, saya nak beritahu pembesar yang Tun-Tun, Tan Sri-Tan Sri yang kaya-kaya ini, yang kamu ambil berpuluh-puluh bilion dulu, bagi setengah kepada orang Melayu.

“Yang kamu ‘sakau’ tu bagi



ANWAR Ibrahim beramah-mesra dengan orang ramai yang menghadiri majlis Rumah Terbuka Malaysia Madani Bersama Perdana Menteri di Permatang Pauh, Pulau Pinang semalam.

kepada orang Melayu. Berapa kekayaan? RM10 bilion, RM15 bilion? Betul nak tolong, bagilah kekayaan itu kepada orang Melayu sekiranya betul nak tolong.

“Saya harap ini sampai. Berapa yang kamu sakau itu, bagi kepada orang Melayu,” katanya ketika berucap pada majlis sambutan Rumah Terbuka Malaysia Madani Bersama Perdana

Menteri di UiTM Permatang Pauh, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, jawatan yang diamanahkan di dalam kerajaan atau mana-mana pengurusan sepatutnya perlu dijaga dengan baik, bukan hanya untuk mengkayakan sanak-saudara sendiri.

Jelas beliau, segala jawatan dan dana itu tidak boleh diambil kesempatan dengan mencuri atau sebagainya memandangkan ia akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT.

“Dalam kerajaan dan dalam pengurusan, apa yang penting adalah jaga ini sebagai amanah, jaga tatakelola dengan baik. Jangan ambil kesempatan, sakau dan mencuri. Jaga dana dan amanah ini kerana kita bertanggungjawab kepada Allah SWT.

“Ini bukan akuantabiliti untuk orang dengar, bukan nak menang pilihan raya negeri dan pilihan raya umum. Tetapi kita bertanggungjawab kepada Allah SWT,” katanya.